

07 JUN 2002

SNAP-Mawan/I

MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN SNAP AHAD INI TETAP DIADAKAN

KUCHING, 7 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Kebangsaan (NC) Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang dijadualkan Ahad ini tetap diteruskan, kata naib presiden Snap Datuk William Mawan hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu akan tetap diadakan walaupun Presiden Snap Datuk Amar James Wong sedang berusaha menghalangnya.

Bercakap pada sidang media di sini, Mawan berkata usaha menukar kepimpinan parti itu akan diteruskan.

"NC itu adalah ideal dan forum terbaik bagi Datuk Amar James Wong dan setiausaha agung Datuk Justine Jinggut menghadirinya dan melihat sama ada para anggota masih mahu mereka menerajui parti," katanya.

Mawan yang juga Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak berkata Wong dan Justine patut menghadiri mesyuarat yang dijangka akan dihadiri oleh lebih 60 daripada 84 ketua bahagian Snap.

Mesyuarat NC itu adalah usaha kumpulan yang diketuai oleh timbalan presiden Snap Datuk Seri Peter Tinggom.

Mawan berkata ia adalah gelanggang yang adil untuk menyelesaikan masalah kepimpinan parti itu.

Mengenai injunksi mahkamah untuk menghalang mesyuarat itu, Mawan berkata ia akan dipatuhi jika kumpulan itu menerima injunksi berkenaan.

Beliau berkata kumpulan itu juga akan memaklumkan kepada Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai krisis kepimpinan Snap.

Mawan juga berkata mesyuarat jawatankuasa eksekutif pusat yang dipengerusikan oleh Wong hari ini adalah tidak sah dan melanggar perlembagaan parti.

-- BERNAMA

FLL FLL MOZ